

Mahathir umum kabinet 20 Julai

Perubahan yg minima tanpa pemberhentian

Oleh NORDIN MOHAMED

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengumumkan kabinetnya pada 20 Julai ini — empat hari selepas beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri, dengan membayangkan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Timbalan Perdana Menteri berkata, "Saya berharap dapat mengumumkan pembentukan kabinet pada 20 Julai dengan perubahan paling minima."

Bagaimanapun kedudukan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah masih menjadi tandatangan.

Dalam pembentukan kabinet itu, tambahnya, akan berlaku cuma sedikit pertukaran dan tidak ada pemberhentian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Lanjutan

Bercakap kepada para pemberita selepas menerima kunjungan Duta Khas Bangsa-Bangsa Bersatu merangkap Menteri Luar Sri Lanka, Encik A.G.S. Hamed, di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pagi ini, beliau berkata, kabinetnya itu bukan kabinet baru, tetapi sebagai menyambung atau lanjutan kepada kabinet sekarang.

Menurutnya, kekosongan hanya berlaku di Kementerian Pertahanan berikutan perletakan jawatan oleh Datuk Hussein Onn.

Kepada satu pertanyaan, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, kemungkinan seorang sahaja Timbalan Menteri akan dinaikkan "pangkat" sebagai menteri penuh.

"Saya sebutkan ini mungkin, kerana segala-galanya terulang kepala keperluan kita," ujar beliau.

Menurut beliau lagi, tokoh-tokoh yang sekarang memegang dua Kementerian akan terus berbuat demikian dalam kabinetnya nanti.

Katanya, menjadi satu perkara biasa Perdana Menteri memegang lebih daripada satu Kementerian. Ditanya adakah Timbalan Presiden UMNO akan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Dari segi tekniknya ia tidak semestinya, tetapi keputusan pemilihan Timbalan Presiden UMNO yang baru lalu, bukanlah keputusan majoriti undi yang tipis."

Dalam pemilihan itu, Datuk Musa Hitam mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah dengan majoriti undi 205.

Kepada pertanyaan lain, Timbalan Perdana Menteri mengesahkan beliau telah berunding dengan Tengku Razaleigh petang tadi mengenai kedudukan Menteri Kewangan itu dalam Kerajaan.

Bagaimanapun Datuk Seri Dr. Mahathir tetap merahakan butir-butir dan keputusan perbincangan "empat mata" itu.

Sebagaimana biasa, Datuk Seri Dr. Mahathir sentilasa tersenyum dan tenang menghadapi berbagai soalan dari para pemberita mengenai susunan kabinetnya dan berkata, "saudara-saudara tunggu dan lihat, tetapi tidak ada pemberhentian, ia cuma sedikit pertukaran sahaja."

Disoal kemungkinan berlaku perubahan pu-cuk pimpinan di peringkat negeri, beliau menegaskan, kita tidak nampak sebarang keperluan untuk membuat perubahan di peringkat negeri sehingga pilihanraya umum akan datang.